

Memperkaya nilai buluh

Oleh NAZRUL AZIM SHARUDDIN
nazrul.sharuddin@utusan.com.my

MENTALITI masyarakat, sebut sahaja mengenai pokok buluh, kebanyakan mereka tentunya mempunyai persepsi negatif dan menganggap tumbuhan botani dalam kategori rumput itu tidak mempunyai sebarang kegunaan.

Antara yang sering didengar adalah buluh boleh menyebabkan gatal atau miang, mengaitkannya dengan kejadian mistik serta menganggapnya sebagai habitat haiwan berbahaya seperti ular.

Bukan menyalahkan mana-mana pihak, namun tanggapan sebegini tidak lagi sesuai digunakan dalam kehidupan masyarakat moden seperti sekarang kerana untuk terus maju, kita perlu sentiasa berfikiran positif.

Sebenarnya, setiap sumber yang dicipta di alam ini termasuk tumbuhan-tumbuhan mempunyai kebaikan dan kelebihannya tersendiri untuk dimanfaatkan oleh manusia.

Apa yang paling penting adalah usaha penerokaan dan penyelidikan perlu dilaksanakan dengan gigih bagi memastikan segala pencarian dapat membawa hasil.

Sama seperti pokok buluh, kebanyakan kita hanya mengetahui tumbuhan tersebut sering digunakan untuk beberapa tujuan seperti menyediakan makanan tradisional lemak ketika musim perayaan selain membuat rakit serta jambatan merentasi sungai di kawasan-kawasan pedalaman, selain membuat meriam buluh.

Namun, selain kegunaan biasa seperti itu, buluh sebenarnya mempunyai seribu



ABDUL LATIF MOHMUD



GHAZI SHEIKH RAMLI

satu kegunaan lain yang mungkin kita tidak pernah terfikir dan juga mempunyai potensi besar digunakan dalam pembangunan pelbagai rangkaian produk.

Menurut Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abdul Latif Mohmud, buluh merupakan tumbuhan yang dekat dengan masyarakat terutama di peringkat akar umbi.

"Buluh merupakan sumber alam yang patut diteroka dan diperbarui setiap masa menerusi pelaksanaan pelbagai program pemfokusan secara berterusan agar tumbuhan ini kekal sebagai sumber yang berharga.

"Selain melibatkan masa pertumbuhan yang singkat iaitu hanya enam bulan, semua bahagian pada

pokok buluh juga boleh digunakan untuk pelbagai manfaat iaitu batangnya yang kuat dan kukuh boleh dibuat pelbagai produk sementara rebungnya pula boleh dimakan," katanya selepas merasmikan Forum Buluh - Material Untuk Milenium Baru di Kepong, Selangor, baru-baru ini.

Forum yang diadakan sempena Minggu Kreativiti dan Inovasi itu turut mendapat kerjasama dan sokongan daripada Persatuan Kreativiti dan Inovasi Malaysia (MACRI) menerusi penglibatan secara langsung dalam projek pembangunan dan penyelidikan industri berdasarkan buluh.

Presiden MACRI, Datuk Ghazi Sheikh Ramli berkata, melalui gabungan berkenaan, sebanyak lima

langkah dan matlamat korporat telah digariskan sebagai panduan merealisasikan pengkomersialan produk berdasarkan buluh.

"Antara yang dicadangkan adalah seperti mewujudkan projek penanaman mini di kawasan tertentu, meningkatkan pengeluaran buluh menerusi teknik penjagaan dan rawatan yang betul dan mewujudkan perkampungan buluh untuk menarik perhatian masyarakat.

"Selain itu, kita juga bercadang untuk membina restoran, kafe atau pusat spa daripada buluh bagi memberi peluang kepada orang ramai merasai gaya hidup berkonsepkan buluh serta membuka pusat kraf yang dikenali sebagai 'Bamboo Memories' supaya orang kampung yang menghasilkan barang kraftangan daripada buluh dapat memasarkan produk mereka," jelasnya.

Di Malaysia, penanaman buluh telah dijalankan sejak tahun 1923. Namun disebabkan projek penanaman yang tidak terancang dan bertaburan di banyak kawasan, pemantauan sepenuhnya sukar untuk dilaksanakan.

Menyedari hakikat itu, FRIM bersama pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai usaha penanaman secara ladang di kawasan yang berpotensi agar ia dapat melibatkan kuantiti pokok yang banyak dan kualiti boleh dijaga mengikut keperluan.

Antara kawasan tersebut adalah seperti di Nami, Kedah dan juga di Rantau, Negeri Sembilan yang melibatkan kawasan tanaman seluas lebih kurang 100 ekar di samping projek yang bakal dilaksanakan di Rompin, Pahang pada masa akan datang.

Selain itu, FRIM turut menjalankan projek pembangunan sosio ekonomi



Gambar SHAIFUDDIN MD NOR